

RTC Perak jana jualan RM3 juta

15,000 kunjungi pusat transformasi sebulan sejak dibuka Februari lalu

Oleh Shamsul Kamal Amarudin
shaka@bharian.com.my

GOPENG: Pusat Transformasi Luar Bandar (RTC) Perak di sini, menjana nilai jualan purata hampir RM3 juta sebulan sejak dilancarkan Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak, Februari lalu.

Ketua Pengarah FAMA, Ahmad Ishak, berkata bilangan pengunjung harian juga menunjukkan peningkatan iaitu sekitar 15,000 orang sebulan dan ia tidak termasuk pengunjung untuk sesuatu acara khas yang diadakan.

“Sehingga kini, kami berpuas hati dengan sambutan orang ramai dan peniaga terhadap RTC dan kita jangka nilai jualan dan bilangan pengunjung akan bertambah apabila satu hentian rehat (R&R) bagi menghubungkan Lebuh Raya Utara-Selatan (PLUS) serta agromall MYDIN siap nanti,” katanya.

Beliau berkata demikian selepas lawatan kerja ke Pameran dan Jualan Haiwan Kesayangan di RTC Perak di sini, semalam.

RTC Perak yang pertama diwujudkan di negara ini, dicetuskan untuk menjadi pemacu dan pelengkap Program Transformasi Luar Bandar (RTP) bertujuan mempercepatkan peningkatan taraf hidup dan kesejahteraan rakyat.

Perdana Menteri ketika membentangkan Bajet 2012, menjelaskan RTC sebagai pusat integrasi perkhidmatan meliputi pengumpulan, pemrosesan dan pendedaran hasil pengeluaran pertanian; perbankan dan insurans; khidmat nasihat perniagaan; latihan dan kemahiran; klinik serta ruang niaga.



AHMAD (tengah) melawat gerai pameran haiwan di RTC Perak, Gopeng, semalam.

Ahmad berkata, matlamat kerajaan menjadikan RTC sebagai pusat rujukan untuk pelbagai kegiatan ekonomi khususnya kepada penduduk luar bandar akan tercapai dalam tempoh singkat.

Katanya, ia juga selaras matlamat menjadikan RTC pusat pendidikan, penyediaan kemudahan logistik terutama kegiatan pemborongan serta pembiayaan dana bertepatan dengan slogan pusat berkenaan sebagai ‘satu hentian

pelbagai perkhidmatan.’

Beliau berkata, FAMA merancang sekurang-kurangnya enam program utama dilaksanakan di RTC Perak dimulai dengan Program Karnival Florikultur dan Herba pada 16 hingga 18 Mac lalu, diikuti Pameran dan Jualan Haiwan Kesayangan selama dua hari bermula semalam.

“Empat lagi program dirancang ialah Pesta Durian dan Buah-Buahan Tempatan dijangka sebelum

akhir bulan ini, Bazar Ramadan (Julai), Karnival Industri Asas Tani (September), Pesta Makanan Popular Tempatan (November) dan Karnival Usahawan Desa (Disember),” katanya.

Pada masa sama, katanya, Pasar Karat yang menjual pelbagai barangan antik dan terpakai serta amat popular di Ipoh setiap hujung minggu turut diadakan di RTC setiap Sabtu membabitkan lebih 200 peniaga.

✉ L MANIMARAN | BERITA MINGGU